



JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA NEGERI JOHOR

DOKUMEN SEBUT HARGA

**KERJA-KERJA PEMASANGAN DEK LOGAM SEBAGAI
PENGHADANG (*HOARDING*) DAN PENGGANTIAN KAWAT
BERDURI JENIS *RAZOR BLADE* DI PERIMETER BLOK
DEPOT IMIGRESEN PEKAN NANAS, PONTIAN, JOHOR**

NO. SEBUT HARGA : IMI(JHR)/8/2022

Unit Pembangunan, Bahagian Kewangan
Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Johor
Aras 12, Blok 1 Kementerian Dalam Negeri
Taman Setia Tropika , Kempas
81200 JOHOR BAHRU

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA : 16 JUN 2022

**KERJA-KERJA PEMASANGAN DEK LOGAM SEBAGAI
PENGHADANG (*HOARDING*) DAN PENGGANTIAN KAWAT
BERDURI JENIS *RAZOR BLADE* DI PERIMETER BLOK
DEPOT IMIGRESEN PEKAN NANAS, PONTIAN, JOHOR**

NO. SEBUT HARGA : IMI(JHR)/8/2022

ISI KANDUNGAN

| NO | PERKARA | LAMPIRAN |
|-----------|--|-----------------|
| 1 | SENARAI SEMAKAN | A (M/S 1-2) |
| 2 | ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA | B (M/S 3-4) |
| 3 | SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA | C (M/S 5-8) |
| 4 | SURAT AKUAN PEMBIDA (SAP bertarikh 1 April 2010) | SAP/1 |
| 5 | BORANG SEBUTHARGA | BSH/1 |
| 6 | RINGKASAN SEBUTHARGA | RSH/1 |
| 7 | BUTIRAN KERJA SEBUTHARGA | D (M/S 1-2) |
| 8 | SENARAI PENGALAMAN KERJA | E |

**SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

Sila tandakan ✓ Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

| BIL | PERKARA/DOKUMEN | UNTUK DI TANDA OLEH SYARIKAT | UNTUK DI TANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA |
|-----|---|---------------------------------|--|
| 1 | Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah Perakuan Pendaftaran Kontraktor Gred G2 Kategori Pengkhususan CE21 (Kerja-Kerja Am Kejuteraan Awam); | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 2 | Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah Sijil Perolehan Kerja Kerajaan | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 3 | Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) (Sijil Bumiputera) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 4 | Borang Sebut Harga telah diisi dengan lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani oleh Penama seperti tertera dalam Sijil Pendaftaran dari PKK/SPKK (BSH/1) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 5 | Ringkasan Sebut Harga telah diisi dengan lengkap (RSH/1) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 6 | Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir, bagi bulan April 2022, Mac 2022 dan Februari 2022. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 7 | Surat Akuan Pembida Telah Diisi Dengan Lengkap dan Ditandatangani oleh Penama seperti di dalam Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)(SAP / 1) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 8 | Senarai Kerja 5 Tahun yang telah disiapkan dan dalam pelaksanaan (2018 hingga 2022) (Borang E) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 9 | Latar Belakang Syarikat / <i>Company Profile</i> yang lengkap (Wajib ada) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 10 | Senarai Kakitangan Pekerja Teknikal / Senarai Peralatan / Jentera (jika ada) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada).

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1. Penyediaan Sebut harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut harga
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut harga – **BORANG BSH/1**
- (c) Senarai Kerja 5 Tahun yang telah disiapkan dan dalam pelaksanaan (Lampiran E)
- (d) Jadual Kadar Harga (jika ada)
- (e) Butir-butir Spesifikasi (jika ada)
- (f) Senarai Semak – Lampiran A

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2. Penyerahan Dokumen Sebut harga

- (a) Dokumen Sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebutharga IMI(JHR)/8/2022 serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga.
- (b) Jika Dokumen Sebut harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

3. TEMPOH SIAP KERJA

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan iaitu tidak melebihi **3 Bulan**.

4. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua Perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

5. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebutharga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebutharga menarik balik sebut harganya sebelum tamat sah sebut harga.

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebut Harga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan Pegawai Inden atau Wakilnya.

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

**6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH
PEGAWAI INDEN**

Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawai yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/ atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

7. RINGKASAN SEBUT HARGA

- 7.1. Ringkasan Sebut harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut harga.
- 7.2. Harga-harga dalam Ringkasan Sebut harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan kerja dengan sempurnanya.
- 7.3. Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.
- 7.4. Harga-harga dalam ringkasan Sebut harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya Itu daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.
- 7.5. Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut harga hendaklah dilaraskan dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut harga hendaklah tidak berubah.
- 7.6. Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

8. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:

- 8.1 Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- 8.2 Kemajuan Kerja terlalu lembap tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- 8.3 Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- 8.4 Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- 8.5 Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

9. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

- 9.1. Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebutharga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik di mana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh sebab jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam bulan (6) boleh dikenakan.
- 9.2. Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebutharga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas Kos Kontraktor sendiri.

10. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini. **Merujuk Perkeliling Kerajaan 2.1, 2.2, 4.1 dan 4.2.**

11. Kontraktor yang berjaya perlu melantik kontraktor bagi kerja pendawaian elektrik yang berdaftar dengan:
- a. Suruhanjaya Tenaga (Borang Q);
 - b. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pendaftaran Koperasi dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM);
 - c. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah **Perakuan Pendaftaran Kontraktor Gred G1 hingga G3 Kategori M & E**
 - d. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan.**
12. Bagi kontrak kerja, bayaran pendahuluan boleh diberi sehingga 25% daripada nilai kerja pembina (builder's work) atau maksimum RM100,000 mengikut mana yang lebih rendah. Bagi mendapat kemudahan bayaran pendahuluan tersebut, syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi:
- (a) Dibenarkan bagi kontrak yang bernilai melebihi RM200,000 hingga RM500,000;
 - (b) Inden Kerja telah ditandatangani dan dikembalikan;
 - (c) Polisi-polisi insurans seperti yang dinyatakan dalam SST atau syarat-syarat kontrak telah dikemukakan; M.S. 4/17 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 4.1
 - (d) Jaminan bagi bayaran pendahuluan bagi kerja hendaklah dikemukakan seperti ditetapkan dalam AP200.2
 - (e). Jaminan hendaklah sama nilainya dengan bayaran pendahuluan;
 - (f) Bayaran pendahuluan hendaklah dipohon pada peringkat awal kontrak dan tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh Inden Kerja mana berkaitan; dan
 - (g) Bayaran pendahuluan tidak dibenarkan bagi perolehan kerja jika tempoh siap kerja tidak melebihi tiga (3) bulan.
13. Bagi kontrak kerja yang bernilai melebihi RM200,000, kontraktor hendaklah mengemukakan bersamasama dengan SST, Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada jumlah harga kontrak atau Jumlah Wang Jaminan Pelaksanaan adalah lima peratus (5%) daripada harga keseluruhan kontrak. Kemudahan ini hanya dibenarkan kepada kontraktor kerja tempatan sahaja. Walau bagaimanapun, Wang Jaminan Pelaksanaan tidak dibenarkan untuk Sub Kontraktor Dinamakan bagi Kerja.

SURAT AKUAN PEMBIDA

BAGI

**KERJA-KERJA PEMASANGAN DEK LOGAM SEBAGAI PENGHADANG
(HOARDING) DAN PENGGANTIAN KAWAT BERDURI JENIS RAZOR BLADE
DI PERIMETER BLOK DEPOT IMIGRESEN PEKAN NANAS, PONTIAN,
JOHOR**

NO. SEBUT HARGA : IMI(JHR)/8/2022

Saya, nombor K.P.....yang mewakili
.....nombor
Pendaftaran.....atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini
tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan
Imigresen Malaysia Negeri Johor** atau mana-mana individu lain, sebagai sokongan
untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan
Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk
membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati
bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan
Imigresen Malaysia Negeri Johor** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan
untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil
syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas ;atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk Dipilih
dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan negara
melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :

No.K.P :

Cop Syarikat :

BORANG SEBUT HARGA

Pengarah,
Bahagian Kewangan,
Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Johor
Aras 12, Blok 1
Kompleks KDN Setia Tropika, Kempas
81200 JOHOR BAHRU

Tuan,

Sebut harga untuk :-

KERJA-KERJA PEMASANGAN DEK LOGAM SEBAGAI PENGHADANG (HOARDING) DAN PENGGANTIAN KAWAT BERDURI JENIS RAZOR BLADE DI PERIMETER BLOK DEPOT IMIGRESEN PEKAN NANAS, PONTIAN, JOHOR NO. SEBUT HARGA : IMI(JHR)/8/2022

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebutharga, Syarat-syarat Sebut harga untuk kerja, Spesifikasi Kerja dan Pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksana dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia :

.....
.....
(RM.....)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang ditetapkan di bawah Fasal 2 Borang Inden Kerja.

Bertarikh pada haribulan 20.....

.....
(Tandatangan Kontraktor)

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh :
No. K/P :
Alamat :
.....

Nama Penuh :
No. K/P :
Alamat :
.....

No Telefon :
Atas sifat :

.....
Meterai atau Cap Kontraktor

**KERJA-KERJA PEMASANGAN DEK LOGAM SEBAGAI PENGHADANG (HOARDING)
DAN PENGGANTIAN KAWAT BERDURI JENIS RAZOR BLADE DI PERIMETER BLOK
DEPOT IMIGRESEN PEKAN NANAS, PONTIAN, JOHOR**

RINGKASAN HARGA

| BIL | HURAIAN KERJA | MUKA SURAT | JUMLAH (RM) |
|-----------------------|-----------------------------|-----------------------------|-------------|
| 1.0 | KEHENDAK-KEHENDAK PERMULAAN | BQ NO.1 / Prelim / 1 | |
| 2.0 | KERJA AWAM | BQ NO.2 / Kerja Awam / 2 | |
| JUMLAH SEBENAR | | | |

Nota: Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi, Konsep rekabentuk dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Sebut Harga ini.

Pihak penyebutharga dengan ini telah faham segala maklumat yang diberikan semasa taklimat Sebutharga dan bersetuju untuk mengikuti garis panduan Spesifikasi Standard JKR

Kiraan semula hanya akan dilakukan untuk butiran yang mempunyai kuantiti sahaja dan tertakluk kepada Pegawai Inden untuk membuat kelulusan.

Jumlah harga _____

Tempoh pelaksanaan kerja : Dua Belas (12) minggu

Tempoh jaminan : Dua Belas (12) (Bulan)

Tandatangan kontraktor :

.....
Nama Syarikat :
Alamat :

Cop Syarikat :

Nama :
No. K/P :
No Telefon untuk dihubungi :

**KERJA-KERJA PEMASANGAN DEK LOGAM SEBAGAI PENGHADANG
(HOARDING) DAN PENGGANTIAN KAWAT BERDURI JENIS RAZOR BLADE DI
PERIMETER BLOK DEPOT IMIGRESEN PEKAN NANAS, PONTIAN, JOHOR**

BIL NO. 1 - KEHENDAK-KEHENDAK PERMULAAN

Membekal tenaga pekerja, bahan-bahan binaan, peralatan serta lain-lain yang bersangkutan bagi membina dan menyiapkan kerja-kerja di atas mengikut penentuan kerja dan lukisan seperti dikepilkkan. Kesemua kadar mesti diisikan, kuantiti seperti disenaraikan adalah sementara dan pengukuran semula akan dibuat setelah siap kerja untuk menilaikan jumlah yang telah dilaksanakan.

| BIL | PERIHAL KERJA | UNIT | KUANTITI | KADAR HARGA | JUMLAH (RM) |
|-----------------------------------|---|------|----------|-------------|-------------|
| 1.1 | Menyediakan Polisi Insuran Liabiliti Awam dan Insurans Kerja Insurans Pampasan Pekerja (Workmen Compensation) serta Nombor pendaftaran dengan PERKESO bagi kesemua pekerja. | | pukal | | |
| 1.2 | Menyediakan laporan bergambar, foto kemajuan sebelum, semasa dan selepas pembinaan bagi 3 set <i>hardcopy</i> dan 1 <i>softy copy</i> . | bil | 3 | | |
| 1.3 | Menyediakan laporan perancangan kerja sebelum pembinaan dan menyediakan laporan kemajuan kerja setiap 2 minggu sekali dan perlu diserahkan kepada pegawai penguasa pada hari ahad | | pukal | | |
| 1.4 | Kerja-kerja pembersihan tapak daripada bahan binaan, sisa bahan binaan dari semasa ke semasa, sepanjang tempoh kontrak, sebelum penyerahan tapak serta membuang keluar dari kawasan binaan ke tempat pelupusan kontraktor yang diluluskan oleh pihak Berkuasa Tempatan termasuk segala kos pengangkutan dan kos-kos yang lain yang berkaitan. | | pukal | | |
| 1.5 | Melantik Jurutera Perunding bagi tujuan penyediaan lukisan awalan (<i>shop drawing</i>), pengesahan kerja di tapak dalam pembinaan dan lukisan sebenar di tapak (<i>as-built drawing</i>). *Syarikat perlu mengemukakan sijil kelayakan bagi jurutera perunding yang dilantik sebelum kerja-kerja dilaksanakan. | | pukal | | |
| JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN | | | | RM | |

**KERJA-KERJA PEMASANGAN DEK LOGAM SEBAGAI PENGHADANG
(HOARDING) DAN PENGGANTIAN KAWAT BERDURI JENIS RAZOR BLADE DI
PERIMETER BLOK DEPOT IMIGRESEN PEKAN NANAS, PONTIAN, JOHOR**

BIL NO. 2 - KERJA AWAM (KUANTITI SEMENTARA)

| BIL | PERIHAL KERJA | UNIT | KUANTITI | KADAR HARGA | JUMLAH (RM) |
|-----------------------------------|--|-------|----------|-------------|-------------|
| | NOTA Membekal tenaga pekerja, bahan-bahan binaan, peralatan serta lain-lain yang bersangkutan bagi membina dan menyiapkan kerja-kerja di atas mengikut penentuan kerja dan lukisan seperti dikepilkan. Kesemua kadar mesti diisikan, kuantiti seperti disenaraikan adalah sementara dan pengukuran semula akan dibuat setelah siap kerja untuk menilaikan jumlah kerja yang telah di laksanakan. *Semua kerja-kerja di tapak perlulah mendapat kelulusan pegawai penguasa dan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. | | | | |
| 2.0 | <u>PENGHADANG (HOARDING)</u> | | | | |
| 2.1 | Kerja-kerja mengorek tanah dan membina pad footing berukuran 300mm x 300mm x 650mm beserta konkrit dan besi tetulang 4T12 dengan kelengkapan. Bil : 77 | M3 | 5 | | |
| 2.2 | Kerja-kerja mengorek tanah dan membina beam berukuran 150mm (lebar) x 300mm (tinggi) beserta konkrit dan besi tetulang 4T12 - link 4.8mm 300c/c dengan kelengkapan. Panjang hoarding : 201m | M3 | 10 | | |
| 2.3 | Kerja-kerja membekal dan memasang tiang angle dengan ketinggian 3m dari penapak dengan semua kelengkapan dan bersaiz 50mm x 50mm x 3mm dengan kerja selesai tinggi penghadang minimum 2.3m termasuk tambahan tiang penyokong. | bil. | 100 | | |
| 2.4 | Kerja-kerja membekal dan memasang penghadang (hoarding) jenis dek logam dengan ketinggian 2.3m dan ketebalan 0.30mm diikat ke tiang dengan skru dan di welding skru tersebut serta kelengkapan yang terlibat dan dikonkrit bersama beam dengan minimum kedalaman 100mm. | M2 | 462.3 | | |
| 3.0 | <u>KAWAT BERDURI JENIS RAZOR BLADE</u> | | | | |
| 3.1 | Membuka kawat berduri lama yang berkarat dengan menggantikan razer blade bergelung dan dawai berduri jenis razor blade lurus 3 lapisan setiap arah dengan kelengkapan serta menggantikan razer blade yang tergantung di tiang atau pagar dengan semua kelengkapan. | m | 800 | | |
| 3.2 | Membuka kawat berduri lama yang berkarat serta membekal dan memasang kawat berduri jenis razer blade sebanyak 3 gelong di bawah dengan kelengkapan. | m | 800 | | |
| 3.3 | Mbaiki mana-mana tiang besi, besi 'Y' dan cotter pin klip pagar yang berkarat dan rosak serta kerja-kerja berkaitan | pukal | pukal | | |
| JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN | | | | RM | |

SENARAI KERJA 5 TAHUN YANG TELAH DI SIAPKAN DAN DALAM PERLAKSANAAN

| Bil. | Nama Kontrak/ Projek + | Nilai Kontrak (RM) | Nilai Penyebutharga* Bertanggungjawab | Tempoh Kontrak ** | Tarikh Milik Tapak | Tarikh Siap Kontrak | Tarikh Siap Sebenar | Nama dan Alamat Pegawai Indera Jurutera Perunding | Nama dan Alamat Majikan |
|------|------------------------|--------------------|---------------------------------------|-------------------|--------------------|---------------------|---------------------|---|-------------------------|
| | | | | | | | | | |

+ Salinan Perakuan/ Pengesahan Siap Kerja bagi setiap kerja yang disenaraikan hendaklah disertakan.

* Hanya perlu diisi sekiranya penyebutharga melaksanakan kerja sebagai ahli syarikat gabungan.

** Tempoh Kontrak hendaklah termasuk lanjutan masa yang diluluskan.